

IRSYAD HUKUM (PANDUAN HUKUM) BIL.7

PANDANGAN HUKUM BERKENAAN *MUKHANNATH* MENURUT FIQH DAN PERUBATAN SERTA KAITANNYA DENGAN TRANSGENDER

Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak yang bersidang pada 21 - 22 Syaaban 1443 bersamaan 24 - 25 Mac 2022 setelah meneliti dan membincangkan kertas kajian dan keputusan Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam (MKI) Kali Ke-119 berkenaan Pandangan Hukum Berkenaan *Mukhannath* Menurut Fiqh Dan Perubatan Serta Kaitannya Dengan Transgender berpandangan seperti berikut:

a) Hukum Bersalaman Dengan Transgender

Hukum seorang lelaki bersalaman dengan *mukhannath* hendaklah dilihat pada situasi. Sekiranya menimbulkan fitnah dan beserta syahwat, maka **haram** hukumnya bersalaman dengan golongan ini, tidak kira yang bersalam itu di kalangan pendakwah ataupun orang awam. Sekiranya selamat daripada fitnah dan tidak timbul syahwat pada detik awal ketika memandang, maka **harus** untuk bersalaman. Walaubagaimanapun, sekiranya *mukhannath* tersebut merupakan golongan yang gemar mempamerkan kemaksiatan mereka (*mujaharah bi al-su'*), **tidak dicadangkan** untuk pergi bersalam-salaman apatah lagi berpelukan dengan mereka.

b) Hukum Transgender Yang Melakukan Persetubuhan Luar Nikah

Jika seorang transgender melakukan hubungan seksual tanpa nikah, maka hukumannya disesuaikan dengan melihat dengan siapa pasangannya dalam hubungan tersebut. Ini kerana *mukhannath* adalah lelaki pada asal penciptaannya dan dikenakan hukuman sebagai seorang lelaki jika melakukan jenayah. Jika pasangannya lelaki, maka dijatuhkan hukuman homoseksual (gay) kerana ia adalah hubungan sesama jenis. Manakala jika pasangannya wanita, ia dijatuhkan hukuman zina.

c) Hukum Berkhalwat Atau Tinggal Serumah Dengan Transgender

Haram tinggal serumah dengan golongan ini jika hanya berdua dalam satu rumah dan juga *haram* berdua-duaan atau bersunyi-sunyian di mana sahaja kerana terdapat unsur fitnah dan syahwat. Semua perkara yang mendorong kepada zina dan liwat adalah *haram*. Sebagai pencegahan atau *sadd zara'i*, maka hendaklah seorang lelaki tidak bersama dengan *mukhannath* di tempat sunyi dan mengelakkan tinggal serumah dengan golongan ini.

d) Hukum Transgender Memelihara Anak Angkat

Terdapat syarat permohonan anak angkat yang menyatakan "pemohon lelaki bujang dibenarkan mengambil kanak-kanak lelaki sahaja". Jika dilihat syarat ini, seorang transgender adalah seorang lelaki pada asal kelahirannya dan menurut syarat ini, ia hanya dibenarkan untuk mengambil kanak-kanak lelaki sahaja. Walaubagaimanapun, situasinya agak rumit kerana penampilan seorang transgender tersebut adalah wanita dan pastinya akan menimbulkan permasalahan kepada anak jagaan tersebut yang keliru sama ada penjaganya seorang 'ayah' atau 'ibu' angkat.

Terdapat syarat yang menyatakan seorang pemohon anak angkat perlu disahkan sihat dari segi mental dan fizikal untuk mengambil anak angkat. Krisis kecelaruan gender yang dihadapi oleh transgender boleh dianggap sebagai masalah mental dan kesihatan golongan ini boleh dipertikaikan untuk memenuhi syarat kelayakan mengambil anak angkat. Memelihara anak angkat juga boleh diqiyaskan dengan *hadanah* ataupun penjagaan anak. Dalam undang-undang Syariah, Seksyen 83, Enakmen Keluarga Islam (Perak) 2004 Bahagian vii – Penjagaan Hadhanah atau Penjagaan Kanak-Kanak memperuntukkan bahawa antara syarat menjadi *hadinah* adalah 'berkelakuan baik dari segi akhlak Islamiah'. Syarat ini boleh dipertikaikan bagi seorang transgender yang ingin mengambil anak angkat. Ini kerana ia dilaknat kerana perlakuannya dan mana mungkin ia boleh memenuhi syarat berakhlak baik. Syarat *hadinah* ini juga menunjukkan bahawa jika ibu bapa kandung sendiri pun tidak berkelayakan untuk menjadi penjaga sekiranya tidak berakhlak, apatah lagi seorang transgender yang tiada pertalian darah.

Antara isu yang penting berkenaan dengan pengambilan anak angkat ini adalah berkenaan dengan batasan aurat dan pergaulan sebaik sahaja anak ini mencecah usia baligh. Dari sudut hubungan anak angkat perempuan dengan bapa angkat dan juga anak angkat lelaki dengan ibu angkat. Secara asasnya, anak angkat yang telah sampai usia baligh yang berlainan jantina dengan ibu bapa mereka merupakan *ajnabi* (orang asing) kepada mereka. Ini kerana mereka pada umumnya, anak ini tidak mempunyai hubungan *nasab* (keturunan) dengan ibu bapa angkat mereka.

Oleh kerana adanya mudarat dan keburukan, maka hendaklah dielakkan seorang transgender mengambil anak angkat lebih-lebih lagi yang bertentangan jantina dengannya.

e) Hukum Transgender Menyertai Solat Jemaah

i) Hukum Transgender Bersolat Dan Menjadi Imam Solat

Seorang transgender bersolat sebagai seorang lelaki dan sah solatnya berjemaah dalam saf bersama jemaah lelaki.

Transgender dianggap golongan yang fasik dan berdosa. Maka, bagi mazhab Hanafi dan mazhab Syafie serta satu pandangan dalam mazhab Maliki, **makruh** imam yang fasik. Bagi Mazhab Maliki dan Hanbali pula, **batal dan tidak sah** orang yang fasik menjadi imam.

ii) Hukum Transgender Mengerjakan Ibadah Haji dan Umrah

Hukum ibadat haji transgender adalah hukum ibadat haji lelaki dalam semua perkara. Begitu juga ibadah umrah. Hendaklah ibadah tersebut dilakukan mengikut hukum asal kejadian dirinya iaitu lelaki. Seorang transgender seharusnya bertaubat dahulu daripada perlakuannya yang terkutuk dan kembali kepada fitrah asal lelaki untuk menunaikan ibadah haji dan umrah.

Sekiranya ia tetap menunaikan ibadah haji atau umrah dalam keadaan jantina yang bertentangan dengan jantina asalnya, ibadah haji dan umrahnya **sah** jika mematuhi rukun umrah, namun perbuatannya tetap **haram dan dikira berdosa**. Malah, dia boleh dikenakan *dam* kerana melanggar wajib umrah.

f) Hukum Pengurusan Jenazah Transgender

Dalam pengurusan jenazah, orang yang paling *afdal* atau utama menguruskannya adalah dari kalangan keluarga atau ahli waris yang terdekat. Oleh kerana itu, dicadangkan pengurusan jenazah transgender dicadangkan mengikut tertib berikut:

- i. Ahli keluarga atau ahli waris.
- ii. Rakan transgender.
- iii. Pengurus jenazah lelaki.

g) Hukum Perwarisan Harta Bagi Transgender

Hukum perwarisan transgender tidak sama dengan golongan *khunsa* kerana transgender telah mengubah sifat dan fizikalnya serta telah mengubah ciptaan Allah yang asal dengan sengaja. Sedangkan *khunsa* itu seseorang yang dilahirkan dalam keadaan semulajadi yang memiliki dua alat kelamin atau memiliki alat kelamin yang tidak dapat dipastikan (*ambiguous genitalia*).

Dalam pembahagian harta pusaka, transgender mengikut hukum jantina asal iaitu hukum perwarisan bagi seorang lelaki. Ini bermakna jika seorang transgender itu pada asalnya dilahirkan sebagai seorang lelaki, maka harta yang layak diterima adalah bahagian lelaki, walaupun dari sudut zahirnya dia kelihatan seperti seorang perempuan.

Justeru, hukum perwarisan harta pusaka bagi seorang transgender (*transwoman/mak nyah*) adalah mengikut jantina asal iaitu lelaki kerana ia dilahirkan sebagai seorang lelaki.

h) Hukum Perwalian Transgender

Mengikut pendapat mazhab Syafi'e dan mazhab Hambali, wali fasiq tidak boleh atau tidak sah menjadi wali nikah. Wali yang fasiq, iaitu tidak adil tidak boleh mengahwinkan perempuan yang beriman, bahkan hak perwalian berpindah kepada wali adil yang seterusnya mengikut urutan. (al-Fiqh al-Manhaji, 2/558).

Justeru, dalam kes seorang transgender yang menjadi wali, kefasikannya telah terserlah secara zahir dan ia dikenali sebagai seorang yang telah melanggar perintah Allah kerana menyerupai wanita. Kerana itu, tidak sah bagi seorang transgender menjadi wali dalam pernikahan.


Hal ini turut dikuatkan dengan Seksyen 11, Enakmen Keluarga Islam (Perak) 2004 yang memperuntukan mana-mana perkahwinan yang tidak mengikut syarat adalah tidak sah. Syarat wali yang tidak fasik turut termasuk dalam syarat untuk menjadikan sahnya sesebuah pernikahan. Oleh itu, golongan transgender tidak boleh menjadi wali kerana tidak memenuhi salah satu syarat dan kelayakan untuk menjadi wali iaitu adil.

Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak berpandangan bahawa *mukhannas* atau Transgender dianggap sebagai golongan yang fasik dan berdosa. Perbuatan yang membawa kepada *haram* dan berdosa serta hendaklah bertaubat dahulu daripada perlakuannya yang terkutuk dan kembali kepada fitrah asal lelaki.

Tarikh : 25 April 2022

No. fail : MN.Pk.A351.IST/05/9 JLD.9 (62)

Saya yang menjalankan amanah


(Dato' Haji Zamri bin Hashim)
Timbalan Mufti Negeri Perak